



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000  
Website : [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# **Kenyataan Media**

## Press Release

**For Immediate Release**

### **MCMC AND TELCO INDUSTRY LAUNCH MOBILE e-WASTE INITIATIVE**

**Cyberjaya, 18 August 2015** – The Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC), has collaborated with the communications industry players namely Malaysian Technical Standards Forum Bhd (MTSFB), Altel Communications, Celcom Axiata, Digi Telecommunications, Maxis, TM and UMobile to launch the ‘Mobile e-Waste: Old Phone, New Life’ programme, today.

The programme which was officiated by Deputy Communications and Multimedia Minister Dato’ Jailani Johari is geared to advocate the public on the environmentally safe disposal and recycling of end-of-life (EOL), unused or unwanted mobile devices towards inculcating the 3 R’s (reduce, reuse and recycling) culture in Malaysia.

For a start, this programme will emphasize on EOL mobile phones as the sole target e-waste on the basis of concerns over the increasing usage of mobile phones.

A research by the US Environmental Protection Agency shows that the average life span of mobile phone is around 18 – 24 months. Also, based on the statistic from SIRIM QAS, there are 42 million units of mobile phones registered prior year 2013. Thus, it is estimated that there are more than 42 million of mobile phones which can be considered as e-waste. They are either kept in homes or have ended up in the landfills.

MCMC estimates the actual figure may be more than 42 million if non-certified or unregistered units are counted which makes it an issue that needs to be addressed by every Malaysian who cares for the environment.

Through this programme, the public will be able to dispose their unused mobile devices such as cellular phones, smart phones, tablets, phablets along with chargers and accessories at 72 participating telcos outlets nationwide where a dedicated mobile e-waste collection box is placed. The collected mobile e-waste will then undergo recycle and recovery process carried out by Shan Poornam Metals Sdn Bhd, a Full Recovery Facility licensed by Department of Environment.

MCMC and the participating stakeholders are committed in keeping mobile e-waste off the landfills by increasing the number of mobile e-waste collection points and awareness program.

For more information on the participating outlets and to learn more about the Mobile e-Waste initiative, please visit <http://mobilewaste.mcmc.gov.my>.

#### **Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)**

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my) dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1007 E-mel: [scd@cmc.gov.my](mailto:scd@cmc.gov.my)



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000  
Website : [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

## **Kenyataan Media** Press Release

**For Immediate Release**

### **MCMC DAN INDUSTRI TELCO LANCAR INISIATIF e-SISA**

**CYBERJAYA, 12 Ogos 2015** –Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan kerjasama Malaysian Technical Standards Forum Bhd (MTSFB), Altel Communications, Celcom Axiata, Digi Telecommunications, Maxis, TM dan UMobile, pada hari ini melancarkan program Mobile e-Waste: Old Phone, New Life.

Program yang dilancarkan oleh Dato' Jailani Johari, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia bertujuan untuk menggalakkan orang ramai melupuskan secara selamat dan mengitar semula peranti mudah alih yang telah tamat tempoh hayat, tidak digunakan atau yang tidak diingini lagi, ke arah memupuk budaya 3R (*reduce, reuse and recycling*) di Malaysia.

Sebagai permulaan, program ini akan memberi penekanan pada telefon mudah alih yang telah tamat tempoh hayat sebagai sasaran tunggal e-sisa berdasarkan kepada peningkatan penggunaan telefon bimbit hasil daripada pembangunan luas industri komunikasi dan multimedia sejak pengenalan jalur lebar mudah alih pada tahun 2009.

Kajian oleh *US Environmental Protection Agency* menunjukkan purata jangka hayat sesebuah telefon bimbit adalah antara 18-24 bulan. Statistik SIRIM QAS pula menyatakan sebanyak 42 juta unit telefon bimbit yang berdaftar sebelum tahun 2013. Sehubungan dengan itu, dianggarkan terdapat lebih 42 juta telefon mudah alih yang boleh dianggap sebagai e-sisa. Ia sama ada tersimpan di kediaman atau telah dibuang di tapak pelupusan sampah.

MCMC menjangkakan angka sebenar mungkin melebihi 42 juta sekiranya mengambil kira unit-unit yang tidak diperakui dan inilah yang memerlukan perhatian dan sokongan setiap individu di Malaysia.

Melalui program ini, orang ramai boleh melupuskan peranti mudah alih seperti telefon bimbit, telefon pintar, tablet dan phablet termasuk pengecas dan aksesori yang tidak lagi digunakan di 72 kedai telekomunikasi di seluruh negara yang menempatkan sebuah kotak pengumpulan e-Sisa Mudah Alih. e-Sisa yang terkumpul akan melalui proses kitar semula dan pemerolehan kembali dengan kerjasama Shan Poornam Metals Sdn Bhd, iaitu sebuah Kemudahan Pemerolehan Kembali Penuh yang dilesen oleh Jabatan Alam Sekitar.

MCMC dan pihak-pihak berkepentingan yang mengambil bahagian komited untuk memastikan agar e-sisa mudah alih tidak berakhir di tapak pelupusan dengan meningkatkan lagi bilangan pusat pengumpulan dan program kesedaran.

Untuk maklumat lanjut mengenai kedai telekomunikasi yang menyertai program ini dan untuk mengetahui lebih lanjut mengenai inisiatif e-Sisa Mudah Alih, sila layari <http://mobilewaste.mcmc.gov.my>

Tamat

#### **Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)**

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my) dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Tel: +603 8688 8000    Faks: +603 8688 1007    E-mel: [scd@cmc.gov.my](mailto:scd@cmc.gov.my)

